

USIM umum tubuh pusat ilmu naqli, aqli

SEREMBAN 10 Feb. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, dekat sini mengumumkan penubuhan Pusat Pengembangan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli pada tahun ini.

Perkara itu diumumkan oleh Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad sewaktu berucap dalam majlis Amanat Tahun Baharu 2015 di universiti itu baru-baru ini.

Kata beliau, penubuhan tersebut mempunyai visi menjadikan pusat berkenaan sebagai tempat rujukan utama bertaraf antarabangsa dalam pengembangan integrasi ilmu naqli dan aqli bagi pembangunan negara dan kemanusiaan sejagat.

"USIM meletakkan sasaran menjadi universiti rujukan serantau dalam integrasi ilmu naqli dan aqli pada 2016 (USIM'16) dan global menjelang 2025 (USIM'25).

"Pusat baharu ini bakal menjadi penggerak utama untuk merealisasikan hala tuju USIM iaitu menjadi universiti terkemuka dunia dalam integrasi ilmu naqli dan aqli melalui pendekatan pelan tindakan yang strategik, komprehensif dan efektif.

"USIM akan memainkan peranan untuk menyebarkan luas falsafah, prinsip dan amalan integrasi ilmu naqli dan aqli dalam kalangan masyarakat khususnya organisasi awam dan industri melalui seminar dan program libat sama," katanya di sini.

Beliau berkata, penubuhan itu adalah bertepatan dengan pemilihan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN.

"Inilah masanya USIM menonjol dalam falsafah yang kita wiridkan. Tahun 2015 inilah, kita perlu pacu segala usaha, rangka dan programkan segala perancangan supaya 2016 nanti kitalah yang dicari dan dirujuk oleh rakan-rakan serantau meliputi 10 negara dalam komuniti ASEAN," ujarnya.

Pada majlis tersebut turut dilancarkan logo rasmi Sambutan 15 Tahun USIM (2000-2015) oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin.